

# KESEDIAAN PENGAJAR KOKURIKULUM DALAM MELAKSANAKAN PENGAJARAN KURSUS SECARA DALAM TALIAN: TINJAUAN AWAL

Putri Harlinda Ibrahim<sup>\*1,2</sup>, Jamalul Lail Abdul Wahab<sup>2</sup>, Nur Farhana Abdullah<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri, Universiti Malaya

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>3</sup>Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya

\*Email: putri\_h@um.edu.my

## ABSTRAK

Dasar dan polisi pendidikan dirancang dan dilaksanakan seiring dengan evolusi teknologi yang berkembang pesat. Kurikulum dan kokurikulum yang digubal hendaklah memfokuskan kepada potensi individu secara holistik dan mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan. Maka wujudnya kaedah pengajaran berbentuk dalam talian iaitu konsep “*asynchronous*” dan “*synchronous*”. Justeru, kesediaan pengajar sangat penting dalam memastikan aktiviti pengajaran kekal berkualiti. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan pengajar kokurikulum dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian dan pilihan pelantar pengajaran yang sesuai bagi pembelajaran kursus kokurikulum. Metodologi kajian adalah jenis tinjauan berbentuk kuantitatif. Instrumen soal selidik telah disahkan oleh pakar untuk digunakan. Populasi kajian adalah 20 orang pegawai tadbir di Universiti Malaya yang dilantik sebagai pengajar kokurikulum untuk mengendalikan kursus secara dalam talian. Seramai 19 orang responden telah terlibat di dalam kajian ini dan data telah dianalisis secara deskriptif. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap kesediaan pengajar kokurikulum melaksanakan pengajaran secara dalam talian adalah pada tahap yang tinggi dan sebanyak enam pelantar pengajaran telah digunakan oleh responden. Implikasi kajian ini kepada pengurusan universiti adalah untuk sentiasa menambahbaik tindakan dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran kokurikulum berkualiti dan seiring dengan kemajuan teknologi. Dapatan ini membekalkan maklumat mengenai pilihan pelantar pengajaran yang sesuai digunakan untuk aktiviti kokurikulum. Kesimpulannya, kesediaan pengajar kokurikulum hendaklah seiring dengan perkembangan teknologi agar mampu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai kaedah dan strategi. Malah pembudayaan pembelajaran secara dalam talian dituntut dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan seiring dengan elemen-elemen Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan.

**Katakunci:** *Kokurikulum, Pengajaran Kokurikulum, Pembelajaran Dalam Talian*

### 1.0 PENGENALAN

Sektor pendidikan tinggi telah diberi penekanan dalam rancangan pembangunan negara melalui dasar dan polisi pendidikan, pelan pembangunan serta perancangan strategik dalam menambah baik dan memantau sistem pendidikan yang ditawarkan. Antara dokumen yang menjadi agenda utama dan rujukan dalam proses penambahbaikan sistem pendidikan tinggi adalah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM PT) dan dokumen jaminan kualiti yang dikawal selia oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Selain itu, menurut Norashikin, Ramli dan Foo (2015) peranan pengajar di institusi pendidikan tinggi dilihat sangat penting dalam memastikan

sistem pendidikan negara berkualiti dan berada dilandasan yang betul. Hal ini sangat penting kerana kesediaan pengajar dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif memberi kesan terhadap kualiti pendidikan tersebut (Nor Fauziana 2020).

Dalam meniti arus kemodenan yang berkembang pesat, kurikulum dan kokurikulum yang digubal hendaklah memfokuskan kepada perkembangan potensi individu secara holistik. Hal ini supaya ianya sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK). Ia bertujuan untuk melahirkan modal insan yang berilmu dan bertanggungjawab serta mempunyai nilai moral yang boleh dicontohi (KPM 2012).

Melalui aktiviti kokurikulum yang mantap dan diperkaya dengan gabungan aktiviti fizikal dan kognitif, potensi individu mampu dilonjakkan dan menjadi contoh teladan untuk menerajui kepimpinan dimasa hadapan.

Sejak era perkembangan digital menjadi tumpuan utama dunia, sektor pendidikan tidak terkecuali terkesan dengan perubahan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan. Hal ini menyebabkan kaedah dan strategi pengajaran diubah berdasarkan tuntutan perkembangan digital. Antara perubahan tersebut adalah mengintegrasikan teknologi dalam pedagogi, kandungan pengajaran dan kaedah pembelajaran bagi sesuatu kurikulum dan kokurikulum yang diajar. Situasi ini telah mewujudkan konsep PdP baharu yang berbentuk “pembelajaran *asynchronous*” dan “pembelajaran *synchronous*” (Mihiotis, Evripiotis dan Agiomirgianakis, 2006; Hrastinski 2008; Preuss dan Vaughan 2019).

Menurut Ntshwarang et al. (2021) hampir seluruh universiti dan kolej telah mengubah kaedah PdP dengan mengintegrasikan teknologi inovasi dalam urusan akademik. Dengan keadaan sedemikian, pengajar perlu bersedia dan menguasai kemahiran teknologi yang diperlukan agar proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam apa jua situasi. Beberapa pengkaji mendapati terdapat pengajar yang kurang mahir menggunakan teknologi (Ehwan 2020; Ntshwarang et al. 2021) dan enggan melaksanakan perubahan pada kaedah pengajaran (Sanchez-Prieto et al. 2019). Hal ini menyukarkan pengurusan universiti untuk melaksanakan transformasi digital dan gagal membudayakan pengintegrasian teknologi dalam kaedah PdP. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pengajar kursus kokurikulum dalam melaksanakan pengajaran kursus secara dalam talian dan pemilihan pelantar pengajaran yang bersesuaian untuk aktiviti PdP yang dilaksanakannya.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

Pembelajaran kokurikulum sinonim dengan aktiviti di luar dewan kuliah dan pembelajaran yang tidak formal. Musa et al. (2018) kokurikulum adalah pembelajaran yang melibatkan elemen kognitif, psikomotor dan afektif. Malah pelajar yang terlibat secara aktif di dalam kokurikulum mampu membentuk jati diri dan nilai moral yang diperlukan (KPM 2012). Keseimbangan dalam pembelajaran formal dan tidak formal yang mencakupi aspek

kecerdasan otak (IQ), kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan rohani (SQ) menjadikan seseorang individu seimbang dan berkembang secara holistik seperti mana yang ditekankan di dalam FPK, DPK dan PPPM PT.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengelompokkan lapan teras utama kokurikulum sebagai panduan dan keselarasan kepada universiti dalam menggubal dan menawarkan kursus kokurikulum kepada pelajar (Yeong How 2009). Teras kokurikulum tersebut adalah (i) teras kesukarelawanan, (ii) teras keusahawanan, (iii) teras kepimpinan, (iv) teras kebudayaan, (v) teras khidmat komuniti, (vi) teras pengucapan awam, (vii) teras sukan, (viii) teras daya usaha inovasi (Yeong How 2009; Siti Rabiattul et al 2020). Pemimpin universiti dan pengajar kokurikulum harus bertindak sebagai pemimpin dan fasilitator dalam merancang dan melaksanakan PdP kursus kokurikulum berdasarkan teras utama kokurikulum. Wan Hassan et al. (2020) dalam penulisannya bersetuju bahawa kaedah pengajaran yang digunakan boleh diubah suai mengikut keperluan semasa dan kepentingan pembelajaran pelajar. Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh pengajar amat penting dalam memastikan kualiti pengajaran dan aktiviti pembelajaran sentiasa ditingkatkan dan ditambah baik.

Faridah dan Afham (2019) menyatakan peranan pengajar dan pengajaran di kelas saling berkait rapat. Pengkaji juga merumuskan bahawa pembelajaran yang kondusif telah mengambil kira elemen pembelajaran abad ke-21 dan pengubahsuaian kandungan pengajaran perlu dilakukan berdasarkan perkembangan semasa. Oleh itu, kandungan dan pedagogi pengajaran yang berbentuk teori, praktikal dan praktikum, studio dan eksperimen di makmal serta aktiviti kokurikulum boleh diubah suai berdasarkan perkembangan teknologi dan inovasi. Strategi dan kaedah pengajaran boleh dilakukan melalui pelantar digital dan perisian yang sesuai seperti Google Classroom, Webex, YouTube, Zoom dan sebagainya (Nor Fauziana 2020). Maka jelaslah bahawa pengajar yang kreatif, inovatif dan mempunyai kemahiran teknologi berupaya mempelbagaikan kaedah dan aktiviti pengajaran mengikut kesesuaian dan peredaran zaman.

Wujudnya konsep pembelajaran “*asynchronous*” dan “*synchronous*” merupakan satu anjakan paradigma dalam sistem pendidikan hari ini. Namun ianya dipersoalkan khususnya mengenai keberkesanan pengajaran dan tahap keefisienan pelantar yang digunakan (Sandeep et al. 2020). Selain dari itu, wujud kesangsian dalam kalangan pengajar mengenai pelantar yang sesuai

digunakan dan kebanyakannya menggunakan kaedah cuba jaya untuk melihat kesesuaian pelantar (Ehwan 2020). Tambahan pula menurut Bao (2020) ahli fakulti menghadapi cabaran dalam pelaksanaan kursus secara dalam talian kerana kurang berpengalaman dan kurang kemahiran menggunakan teknologi. Ini jelas menggambarkan bahawa pengajar berhadapan dengan cabaran dalam melaksanakan PdP menggunakan teknologi, terutamanya pengajaran berkonsepkan “*synchronous*” yang dilaksanakan secara langsung dalam talian.

Namun berdasarkan sejarah, menurut Mohd Koharudin (2004) dan Rubiah dan Jamilah (2009), integrasi teknologi dalam pendidikan telah bermula di Universiti Sains Malaysia sejak tahun 1971 melalui pembelajaran maya berkonsepkan pendidikan jarak jauh (PJJ). Seterusnya, Institut Teknologi MARA telah menawarkan program pengajian melalui e-pembelajaran (pembelajaran dalam talian) bagi program pengkhususan komunikasi (Rubiah dan Jamilah 2009). Kaedah pembelajaran ini telah diperkukuhkan lagi melalui penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1996 yang antara lain menambahbaik konsep pembelajaran maya.


Kemudian, pada pertengahan tahun 1990an, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyarankan supaya pengurusan universiti untuk menawarkan kursus secara PJJ dan konsep pengajian ini telah di dokumenkan di dalam RMK7 sebagai salah satu agenda teras strategi pendidikan kerana ianya lebih mudah dan efisien (Mohd Koharudin 2004). Seterusnya, Multimedia Technology Enhancement and Operation Sdn. Bhd. atau METEOR telah ditubuhkan oleh KPM untuk membantu urusan PJJ yang ditawarkan oleh universiti. Sejak itu, universiti tempatan telah mula menawarkan pengajian secara PJJ dengan menggunakan sidang video, *video-on-demand*, jaringan internet dan perpustakaan berbentuk dalam talian (Md. Noor 2000 di dalam Mohd Koharudin 2004). Menurut Rubiah dan Jamilah (2009) ahli akademik telah mula menggunakan teknologi dan internet secara optimum melalui videoNet dan pengajaran secara dalam talian sejak tahun 1999. Malah pada tahun 1998, sebuah universiti maya pertama di Malaysia telah ditubuhkan iaitu Universiti Tunku Abdul Rahman. Universiti ini menawarkan kurikulum dan pengajaran secara dalam talian sepenuhnya (Mohd Koharudin 2004; Rubiah dan Jamilah 2009). Justeru dapat disimpulkan bahawa “pendidikan” dan “teknologi” bukanlah suatu yang asing kepada para pendidik (guru, pengajar dan pensyarah) dalam mentransformasi kaedah dan strategi pengajaran konvensional kepada kaedah versi dalam talian.

Dengan adanya kemajuan teknologi yang diintegrasikan dalam aspek kurikulum dan kokurikulum, konsep pembelajaran abad ke-21 telah menuju ke fasa baru. Bao (2020), Nor Fauziana (2020) dan Sandeep et al. (2020) menyatakan bahawa kaedah pembelajaran abad ke-21 adalah alternatif yang terbaik apabila berlakunya pandemik atau keadaan atau suasana dan situasi di luar kawalan. Kajian oleh Preuss dan Vaughan (2019) di Chicago, Illinois, Amerika Syarikat mendapati pembelajaran dan aktiviti kokurikulum secara dalam talian mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan dapat merapatkan hubungan antara pengajar dan pelajar. Pengkaji mencadangkan supaya kajian lanjut diterokai dengan lebih mendalam oleh para penyelidik sains sosial. Contoh kajian yang hampir sama di Hong Kong oleh Kit Ng (2020) mendapati aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan secara dalam talian telah menarik minat pelajar di dalam suasana pembelajaran yang tidak formal. Aktiviti yang dilakukan bergantung kepada strategi pengajaran pengajar dalam membina persekitaran yang kondusif untuk menarik minat dan penglibatan aktif pelajar. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa pengajar yang berpengetahuan, inovatif dan mahir teknologi mampu membudayakan persekitaran pembelajaran kokurikulum yang berasaskan teknologi serta mengetahui potensi teknologi untuk digunakan semasa pengajaran kursus kokurikulum secara dalam talian.

## **2.1 MODEL PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN (MISHRA DAN KOEHLAR 2006)**

Konsep asal Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) bermula dari idea Model Pengetahuan Pedagogi Kandungan yang dipelopori oleh Lee Shulman pada 1986 dan 1987 (Mohammad Rusdi 2017; Cathrine dan Sabariah 2019). Shulman berpandangan pendidik adalah individu yang mahir dan pakar bidang (Cathrine dan Sabariah 2019) dalam matapelajaran atau kursus yang diajar. Maka elemen “pedagogi” dan “kandungan” pengajaran adalah dua perkara penting yang perlu dikuasai oleh seseorang yang bergelar pendidik. Memandangkan dunia pendidikan telah diintegrasikan dengan elemen teknologi, Mishra dan Koehler pada tahun 2006 telah memperkenalkan Model PTPK atau lebih dikenali dengan Model TPACK, atau *Technological Pedagogical Content Knowledge*. Koehler dan Mishra (2009) di dalam Zolkefli, Nordin dan Mohd Kasri (2017) menyatakan Model PTPK berteraskan elemen pengetahuan “teknologi”, “pedagogi” dan “kandungan”. Model ini menjelaskan teknologi memberi kesan positif dalam PdP secara berkesan. Model ini sejajar dengan konsep pembelajaran abad ke-21 seperti mana yang

ditekankan di dalam PPPM PT (KPM 2015).



**Rajah 1:** Hubungan Antara Elemen Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan

Sumber: Mishra dan Koehler (2006), *Teachers College Record*, 108(6): 1017-1054

Rajah 1 menunjukkan hubungan antara elemen Model PTPK. Pada tahun 2006, Mishra dan Koehler melalui penulisannya bertajuk *Technological Pedagogical Content Knowledge: A Framework for Teacher Knowledge* menjelaskan Model PTPK memfokuskan kepada tiga elemen penting dalam PdP yang mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan iaitu, Pengetahuan Teknologi (PT), Pengetahuan Pedagogi (PP) dan Pengetahuan Kandungan (PK). Seterusnya tiga elemen ini menghasilkan Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP), Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK), Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK).

## 2.2 DASAR e-PEMBELAJARAN NEGARA

Kerangka Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) telah dibangunkan untuk memastikan pembelajaran secara dalam talian yang ditawarkan berkualiti dan dapat memberi akses yang adil kepada semua golongan (KPT 2010). Kewujudan dasar ini telah mengubah kaedah PdP pelajar. Hal ini menyebabkan universiti tempatan mula menawarkan mod pembelajaran secara dalam talian atau secara *blended learning* (menggabungkan pembelajaran dalam talian dan pembelajaran konvensional) yang berkualiti melalui teknologi maklumat dan komunikasi.

Terdapat tiga fasa peralihan dalam jangka masa 6 tahun iaitu (i) fasa permulaan 2010-2011, (ii) fasa pengisian 2012-2013, dan (iii) fasa optimum 2014-2015. Lima tunggak DePAN iaitu infrastruktur, struktur organisasi, kurikulum dan kandungan, perkembangan profesional dan pembudayaan.

Untuk memastikan kelangsungan inisiatif pembelajaran dalam talian, KPT telah mengemaskini kerangka dasar dan menamakannya sebagai Dasar e-

Pembelajaran Negara 2.0 (DePAN2.0). Dasar ini menitikberatkan usaha mentransformasi pendidikan tinggi secara menyeluruh. Terdapat tiga fasa peralihan iaitu (i) fasa 1 2015, (ii) fasa 2 2016-2020, dan (iii) fasa 3 2021-2025. Enam tunggak yang difokuskan adalah infrastruktur dan infostruktur, governans, pedagogi dalam talian, e-kandungan, perkembangan profesional dan pembudayaan.

## 3.0 METADOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian menerangkan suatu prosedur sistematik dalam melaksanakan satu kajian penyelidikan (Fauziah dan Mohd Suhaimi 2020). Dalam kajian ini, kaedah kuantitatif digunakan untuk menjawab objektif kajian. Populasi kajian ini ialah 20 orang pegawai tadbir di Universiti Malaya yang mengendalikan kursus kokurikulum secara dalam talian dalam sesuatu semester kerana mereka telah dilantik sebagai pengajar kokurikulum secara sambilan. Teknik persampelan rawak mudah digunakan dan seramai 19 orang responden telah terlibat di dalam kajian ini. Responden menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan dalam bentuk *google form*. Soal selidik telah dibangunkan dan disemak oleh seorang pakar bidang. Borang soal selidik ditadbir sendiri oleh pengkaji dan dipantau oleh seorang pensyarah dalam bidang Pentadbiran Pendidikan. Berdasarkan jadual saiz sampel oleh Cohen (1969), seramai 19 orang responden yang diperlukan apabila bilangan populasi kajian adalah seramai 20 orang. Oleh itu, kajian ini telah memenuhi kriteria penentuan saiz sampel. Seterusnya, dapatan data primer yang telah dikumpulkan, dianalisis dan diterjemahkan dalam bentuk statistik deskriptif. Melalui kaedah ini, data mudah ditafsir dan dapat menjawab objektif kajian. Jadual 1 ialah interpretasi skor peratusan bagi statistik deskriptif yang digunakan.

**Jadual 1:** Interpretasi skor peratusan

Skor Peratusan	Interpretasi Skor
75 – 100%	Tinggi
50 – 74%	Sederhana
0 – 49%	Rendah

Sumber: Nurul dan Suziyani (2018)

## 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Maklumat demografi responden telah dianalisis bagi menerangkan latar belakang responden. Sampel kajian adalah pegawai tadbir di Universiti Malaya yang telah dilantik sebagai pengajar kokurikulum secara sambilan bagi Semester I

dan II, Sesi 2020/2021.


Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai lapan orang responden lelaki (42%) dan 11 orang perempuan (58%). Responden mengendalikan kursus kokurikulum berdasarkan kepakaran dan pengalaman masing-masing. Majoriti pengajar kokurikulum mengajar kursus Pembangunan Bakat, iaitu seramai tujuh orang dan diikuti dengan seramai lima orang bagi kursus Kesukarelawanan. Seterusnya adalah kursus Keusahawanan, Khidmat Komuniti dan Penyelidikan Bebas dengan masing-masing seramai dua orang. Manakala kursus Sangkutan@Industri hanya melibatkan seorang pengajar. Jadual 2 menunjukkan bilangan responden yang mengajar kursus kokurikulum.

**Jadual 2:** Bilangan responden yang mengajar kursus kokurikulum

Kursus Kokurikulum	Kekerapan
Kesukarelawanan	5
Keusahawanan	2
Khidmat Komuniti	2
Pembangunan Bakat	7
Penyelidikan Bebas	2
Sangkutan@Industri	1

**Objektif kajian 1:** Mengenal pasti tahap kesediaan pengajar kokurikulum dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian

Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan responden dalam melaksanakan PdP kursus kokurikulum secara dalam talian. Berdasarkan data, majoriti responden bersedia melaksanakan pengajaran kursus secara dalam talian. Secara tidak langsung, selain daripada berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang yang diajar, responden juga mempunyai kemahiran teknologi dan mampu mengendalikan pengajaran berbentuk maya.



**Rajah 2:** Tahap kesediaan pengajar kokurikulum melaksanakan pengajaran secara dalam talian


Rajah 2 menunjukkan peratus tahap kesediaan pengajar kokurikulum melaksanakan pengajaran kursus secara dalam talian. Majoriti responden menyatakan “bersedia” dan “sangat bersedia” melaksanakan PdP secara dalam talian. Data mewakili seramai 12 orang responden (63%) merasakan dirinya “bersedia” dan 5 orang responden (26%) merasa “sangat bersedia”. Berdasarkan interpretasi skor peratus menunjukkan bahawa kesediaan pengajar kokurikulum melaksanakan pengajaran secara dalam talian berapa pada tahap yang tinggi atau bersamaan dengan 89%. Hanya dua orang (11%) merasakan dirinya “sederhana bersedia” dan tiada pengajar (0%) yang “tidak bersedia” melaksanakan PdP secara dalam talian.

Kesediaan diri seseorang pengajar kursus dalam hal ehwal akademik amat penting terutamanya apabila berlaku sebarang perubahan dalam kaedah dan strategi pengajaran. Tuntutan ini merupakan salah satu elemen penting yang menyumbang kepada kualiti pengajaran yang berkesan. Dalam hal ini pengalaman awal mengendalikan pengajaran secara dalam talian memberi kesan kepada individu (Aney dan Norasmah 2019). Namun, Wan Hassan et al. (2020) berpandangan pendidik perlu sentiasa bersedia dengan perkembangan terkini dalam dunia pendidikan. Pengkaji menyatakan kemahiran menggunakan teknologi merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai dalam abad ke-21. Selain itu, pengalaman mengendalikan pembelajaran maya juga menyumbang kepada keberkesanan pengajaran secara dalam talian. Perkara ini seiring dengan elemen-elemen di dalam Model PTPK, di mana Mishra dan Koehler (2006) menyatakan bahawa pengetahuan “teknologi”, “pedagogi” dan “kandungan” saling berkait dalam kaedah pembelajaran abad ke-21. Hal ini juga telah ditekankan di dalam PPPM PT dan DePAN 2.0.

Kajian daripada Wan Hassan dan rakan-rakan menyokong kajian terdahulu oleh Mad Noor dan Mohd Hanafiah (2012) yang antaranya merumuskan bahawa persekitaran e-pembelajaran (pembelajaran dalam talian) yang berjaya adalah gabungan daripada pelbagai aspek, antaranya adalah (i) kesediaan warga pendidik dan institusi, (ii) kaedah pengajaran dan pembelajaran, (iii) kolaborasi dan latihan kemahiran, (iv) fasiliti dan infrastruktur di institusi pendidikan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesediaan pengajar amat penting dalam memastikan pengajaran kokurikulum yang dilaksanakan secara dalam talian adalah berkesan dan mencapai objektif pembelajaran kursus. Tahap kesediaan seseorang pengajar disokong daripada pelbagai aspek dan pastinya memberi implikasi yang besar kepada pengurusan universiti serta tindakan susulan yang wajar dilaksanakan dalam memastikan semua pengajar kursus bersedia dan mempunyai kemahiran teknologi yang diperlukan sejajar dengan perkembangan teknologi dalam abad ke-21.

**Objektif kajian 2: Mengenal pasti pemilihan pelantar pengajaran yang bersesuaian dalam aktiviti PdP kokurikulum**

Dapatan kajian menunjukkan pilihan pelantar pengajaran yang bersesuaian bagi aktiviti PdP kursus kokurikulum. Borang soal selidik membenarkan responden untuk memilih lebih daripada satu pelantar pengajaran yang digunakan untuk melaksanakan sesi pengajaran secara dalam talian. Data kajian menunjukkan majoriti responden selesa dan memilih untuk menggunakan pelantar yang mesra pengguna dan mudah untuk diakses oleh para pelajar. Pelbagai pilihan pelantar pengajaran telah digunakan oleh responden dan ada di antara pelantar tersebut digunakan sebagai pilihan alternatif.



**Rajah 3: Bilangan pilihan penggunaan pelantar pengajaran yang dilaksanakan secara dalam talian**

Rajah 3 carta graf menunjukkan bilangan pilihan pelantar pengajaran yang dilaksanakan secara dalam talian. Majoriti responden memilih aplikasi Google Meet iaitu seramai 19

orang, 17 orang responden memilih aplikasi Telegram dan seramai 16 orang memilih aplikasi WhatsApp. Seterusnya terdapat responden yang menggunakan pelantar Zoom, iaitu seramai 7 orang, manakala seramai 5 orang responden menggunakan pelantar Microsoft Teams dan 3 responden selesa menggunakan rakaman video yang dimuat-naik atau dimuat-turun melalui YouTube.

Pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan “asynchronous” dan “synchronous” merupakan satu kaedah yang baharu kepada golongan pengajar. Sungguhpun terdapat kesangsian penggunaan pelantar pengajaran dalam kalangan pengajar, Ehwan (2020) menjelaskan kaedah cuba jaya telah dilakukan oleh para pendidik untuk memastikan kelangsungan sesi pembelajaran bersama pelajar. Menurut Wan Hassan et al. (2020) antara faktor yang menyebabkan pengajar memilih sesuatu pelantar pengajaran adalah kerana sistem pelantar yang fleksibel, mesra pengguna dan sesuai digunakan untuk setiap silibus pengajaran. Malah sistem yang memudahkan pengguna untuk memuatnaik, menyimpan dan mencapai bahan pengajaran dengan mudah akan menjadi pilihan pengguna (Mad Noor dan Mohd Hanafiah 2012). Oleh itu, faktor pemilihan pelantar pengajaran amat penting dalam memastikan pengajaran kursus berkesan, mampu menarik minat dan penglibatan pelajar. Sistem yang fleksibel dan mesra pengguna dapat membantu pengajar merancang dan melaksanakan pengajaran dengan sistematik. Malah memudahkan pengajar untuk melaksanakan penilaian bagi komponen penglibatan pelajar, malah penghantaran laporan dan tugas dapat dilakukan dengan mudah dan efisien.

Pada 15 Jun 2020, KPM telah melancarkan Digital Educational Learning Initiative Malaysia DELIMa) yang menawarkan pelantar khusus untuk menggerakkan pengajaran secara dalam talian. Antara aplikasi yang digunakan adalah Microsoft Teams dan Google Classroom. Hal ini menunjukkan bahawa pelantar Microsoft Teams dan Google Classroom sesuai digunakan oleh pengajar dan mudah diakses oleh pelajar dari pelbagai lokasi. Selain itu, melalui fasa dan tunggak yang difokuskan dalam DePAN2.0 menjadikan pembelajaran dalam talian lebih efektif dan menuju taraf global. Selain dari itu, strategi dan aktiviti yang digariskan dalam PPPM PT melalui Lonjakan 9 mampu meningkatkan inisiatif dan pembudayaan pembelajaran dalam talian serta berpandukan standard atau piawaian tertentu. Implikasi daripada dapatan ini membolehkan pengurusan universiti untuk menambahkan infrastruktur dan pelantar pengajaran sedia ada serta memperhalusi polisi yang berkaitan agar PdP dalam talian dapat diperluaskan penggunaannya secara optimum.

## 5.0 CADANGAN KAJIAN LANJUT

Dapatan kajian ini memberikan input yang positif kepada pemegang taruh (kementerian) dan pemimpin universiti. Bagaimanapun, pengkaji mencadangkan supaya kajian lanjut dilaksanakan oleh penyelidik sains sosial yang memfokuskan kepada perkara berikut:

1. Kepimpinan instruksional atau kepimpinan teknologi pengajar kokurikulum dalam PdP pelbagai mod pengajaran seperti *blended learning*, *remote learning* dan sebagainya.
2. Isu dan cabaran pelaksanaan pembelajaran kokurikulum dalam talian
3. Perbandingan pembelajaran kokurikulum secara dalam talian bagi pelajar normal dan pelajar berkeperluan khas

Cadangan fokus kajian tersebut wajar dilaksanakan untuk memastikan pembelajaran kokurikulum tidak diabaikan, malah sentiasa diperkasa untuk generasi masa hadapan.

Selain itu, dapatan kajian boleh membekalkan input kepada pemegang taruh dan pengurusan universiti agar tiada golongan pelajar yang terabai. Disamping itu juga, PdP dalam talian dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

## 6.0 KESIMPULAN

Kajian ini telah memenuhi objektif kajian. Tahap kesediaan pengajar kokurikulum untuk melaksanakan pengajaran kursus secara dalam talian signifikan dengan pemilihan pelantar pengajaran. Pelbagai faktor yang menyokong kesediaan pengajar kokurikulum dalam memastikan kaedah pengajaran, pedagogi dan kandungan kursus memenuhi perkembangan teknologi dan kehendak semasa. Dalam hal ini, pihak pengurusan universiti hendaklah sentiasa menyokong segala inisiatif, strategi dan keperluan latihan profesional dalam usaha untuk menyokong membudayakan pembelajaran secara dalam talian agar pengajar tidak ketinggalan dalam dunia digital yang sangat dinamik. Pasti tindakan ini secara tidak langsung akan memperbaiki kualiti PdP pengajar yang boleh menyumbang ke arah pembangunan modal insan secara holistik demi kemajuan negara untuk memenuhi hasrat FPK secara amnya dan hasrat DPK secara khususnya.

## 7.0 RUJUKAN

- A. Mihiotis, M. Evripiotis & G. M. Agiomirgianakis. (2006). *Asynchronous Remote Learning and Distance Learning: The Case of Master in Business Administration by H.O.U. The Open Education Journal*, 1-13
- Aney Marinda, M. & Norasmah, O. (2019). Pengurusan Bilik Darjah Guru Baharu Yang Mengikuti Program Pembangunan Guru Baharu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1): 21- 27
- Bao, W. (2020). COVID-19 and online teaching in higher education: A case study of Peking University. *Human Behavior and Emerging Technology*, 2: 113-115
- Cathrine Masingan. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Bukan Pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(6): 64-71
- Ehwan, N. (2020). COVID-19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. Dicapai dari <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms>
- Faridah, C.I. & Afham, Z. A. (2019). Kajian Keberkesanan Pembelajaran Interaktif Berasaskan Aplikasi Kahoot: Satu Kajian Tindakan Terhadap Kursus Principle of Marketing. *Online Journal for TVET Practitioners*, 4(1): 1-11
- Fauziah I. & Mohd Suhaimi M. (2020). Metod Kajian Kuantitatif. Dalam. Fauziah I., Khadijah A. & Nazirah H. (pnyt.) *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Lydia Preuss & Terry Vaughan III. (2019). Online Learning and Cocurricular Programs: Improving Student Engagement Using D2L Within the Arnold Mitchem Fellows Program. *About Campus*. DOI: 10.1177/1086482219860525
- Mad Noor, M.J. & Mohd Hanafiah, Y. (2012). E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi IPG Kampus Tawau. *Proceeding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012*

Mohammad Rusdi A. M. (2017). Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Dan Kreativiti Pengajaran Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Musa, W. A., Othman, N., Latif, Y. A., Shaari, S. S., Ismail, W. N. H. W., & Ismail, S. F. (2018). Kokurikulum Dan Sahsiah Pelajar: Peranan Dan Hubungan Antara Keduanya. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(18), 18-27

Nor Fauziana, M.S. (2020). Pandemik Coronavirus (COVID-19): Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan Di Malaysia. Retrieved from

<https://www.researchgate.net/publication/342886967>

Norashikin, A.B., Ramli, B. & Foo, S.F. (2015). Hubungan Kepimpinan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *International Journal of Education and Training*, 1(2): 1- 11

Ntshwarang, P. N., Malinga, T., & Losike-Sedimo, N. (2021). eLearning Tools at the University of Botswana: Relevance and Use Under COVID-19 Crisis. *Higher Education for the Future*, 8(1), 142–154. <https://doi.org/10.1177/2347631120986281>

Punya Mishra & Matthew J. Koehler. (2006). Technological Pedagogical Content Knowledge: A Framework for Teacher Knowledge. *Teachers College Record*, 108(6): 1017–1054

Rubiah, O. & Jamilah, A. (2009). Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran Dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1): 155-172

Sanchez-Prieto, J. C., Huang, F., Olmos-Miguelanez, S., Garcia-Penalvo, F. J., dan Teo, T. (2019). Exploring the unknown: The effect of resistance to change and attachment on mobile adoption among secondary pre-service teachers. *British Journal of Educational Technology*, 50(5), 2433– 2449. <https://doi.org/10.1111/bjet.12822>

Sandeep, S., Shilpa, C., Debayan, D. & Kavya, S. (2020). Academic Crisis During COVID 19: Online Classes, a Panacea for Imminent Doctors. *Indian Journal Otolaryngology Head Neck Surgery*. Retrieved from <https://doi.org/10.1007/s12070-020-02224-x>

Siti Rabiattul A. I., Muhamad M. N., Masduki M. M., Fauzi M. & Kasawani I. (2020). Teras Tumpuan Dalam Kursus Kokurikulum. Dalam Muhamad M. N., Norkhairani A. R., Mohd Nazri, M., Siti Rabiattul A. I. & Siti Norhidayah M. H. (pnyt.) *Kokurikulum dan Pembangunan Mahasiswa Holistik*, hlm. 71-88. Pahang: Pejabat SUARA UMP

Stefan Hrastinski. (2008). Asynchronous and Synchronous E-Learning. *Educause Quarterly*, 4: 51-55. Dicapai dari <https://er.educause.edu/articles/2008/11/asynchronous-and-synchronous-elearning>

Tsz Kit Ng. (2021). New Interpretation of Extracurricular Activities via Social Networking Sites: A Case Study of Artificial Intelligence Learning at a Secondary School in Hong Kong. *Journal of Education and Training Studies*, 9(1): 49-60. DOI:10.11114/jets.v9i1.5105

Wan Hassan, W.A.S., Ariffin, A., Ahmad, F., Sharberi, S.N.M., Nor Azizi, M.I. & Zulkiflee, S.N. (2020). COVID-19 Pandemic: Langkawi Vocational College Student Challenge in Using Google Classroom for Teaching and Learning (T&L). *International Journal of Advanced Trends in Computer Science and Engineering*, 9(3): 329

Yeong How, A. (2009). KPT Lancarkan Buku Perkasa Kokurikulum Berkredit. Dicapai dari [https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2009/12/15/buku\\_panduan\\_jam\\_kredit\\_kokurikulum\\_ipt\\_dilancar](https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2009/12/15/buku_panduan_jam_kredit_kokurikulum_ipt_dilancar)

Zolkefli B, Nordin O, Mohd Kasri S. (2017). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pengintegrasian Teknologi Pengajaran Berdasarkan Model TPACK dalam Kalangan Guru Matematik. *Proceedings of the ICECRS*, 1(2): 66-7